



9 Oktober 2023

KENYATAAN MEDIA PAC

LAPORAN PAC BERHUBUNG KEMAJUAN PROJEK PEMBANGUNAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA – LITTORAL COMBAT SHIP (LCS) TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM) DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF) BAGI TEMPOH OKTOBER 2022 HINGGA MEI 2023

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Laporan Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) bagi tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023.
2. Laporan ini dibentangkan selepas PAC mengadakan satu sesi lawatan kerja ke Kapal LCS 1 (KD Maharaja Lela) di Limbungan Kapal Boustead Naval Shipyard (BNS) untuk melihat kemajuan kerja-kerja pembinaan LCS serta simpanan stok peralatan dan kelengkapan LCS pada 10 Jun 2023 dan diikuti dengan mesyuarat prosiding.
3. Dalam prosiding itu, PAC memanggil saksi-saksi seperti berikut:
 - i. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MINDEF;
 - ii. Dato' Ahmad Nazim bin Abd Rahman, Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera; dan

- iii. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat BNS Sdn. Bhd.
4. Mesyuarat penyediaan laporan ini dibuat pada 13 September 2023 dan turut hadir sama, tujuh ahli Ex-Officio PAC terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Akauntan Negara yang bersetuju dengan laporan, rumusan dan syor.
 5. Sehubungan itu, PAC membuat sembilan rumusan seperti berikut:
 - i. Tiada kemajuan bagi pembinaan LCS sejak daripada lawatan PAC Parlimen ke-14 pada 11 Disember 2021 hingga lawatan PAC Parlimen ke-15 pada 10 Jun 2023.
 - ii. Melalui pelan mobilisasi yang terkandung dalam SA 5 yang ditandatangani pada 31 Mei 2022, MINDEF merancang dengan lebih teliti selepas kegagalan menepati jadual asal pembinaan LCS di mana keenam-enam kapal sepatutnya siap pada tahun 2023.
 - iii. Isu utama *detailed design* LCS masih belum diselesaikan yang mana kini berada pada kadar 96 peratus kesiapan di peringkat kontraktor pembinaan dengan hanya 84 peratus sahaja telah melalui peringkat pengesahan, verifikasi dan kelulusan oleh pihak Naval Group daripada Perancis sebagai penguasa reka bentuk LCS. Bagaimanapun kontraktor pembinaan memberi jaminan bahawa *detailed design* perlu disiapkan sebelum Ogos 2024 seperti yang terkandung dalam SA 6.

- iv. Keputusan Kerajaan mengambil alih BNS melalui penubuhan Ocean Sunshine Bhd. (SPV) dapat membantu mengembalikan kepercayaan pemegang saham, pihak bank dan pihak pembekal dalam pelaksanaan projek pembinaan LCS.
- v. Kerajaan memutuskan untuk mengurangkan bilangan LCS daripada enam (6) ke lima (5) buah berikutan pembinaan blok LCS 6 masih belum dimulakan dan peralatan yang telah dibeli boleh digunakan pada LCS yang lain.
- vi. Walaupun bilangan LCS dikurangkan kepada lima (5), kos pembinaan LCS meningkat daripada RM9.128 bilion kepada RM11.22 bilion dengan pertambahan sebanyak RM2.098 bilion berpunca daripada kos bagi reka bentuk (RM0.211 bilion), harga peralatan (RM1.214 bilion), insurans dan risiko (RM0.466 bilion), kos kewangan (RM0.143 bilion), kos pengurusan projek (RM0.066 bilion). Kelewatan dan pertambahan masa juga merupakan faktor utama peningkatan ini berlaku.
- vii. Tempoh masa pembinaan LCS dilanjutkan lagi kepada 83 bulan dan dijangka TLDM hanya dapat memperolehi kelima-lima LCS pada tahun 2029 berbanding kontrak asal di mana LCS 5 sepatutnya diserahkan pada tahun 2022.
- viii. Perjanjian SA 6 yang ditandatangani pada 26 Mei 2023 tidak mendapat persetujuan AGC memandangkan Jabatan berkenaan menjelaskan bahawa pihaknya telah memaklumkan kepada MINDEF

bahawa perlu ada tindakan lanjut bagi SA 6 dan dikemukakan kembali kepada AGC sebelum ia ditandatangani.

ix. Keputusan MINDEF membelakangkan AGC dalam menandatangani SA 6 ialah satu tindakan yang tidak wajar dilakukan kerana ia boleh memberikan implikasi perundangan kepada kerajaan dan ia tidak boleh berulang.

6. Sebagai langkah penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan enam perkara kepada Kerajaan untuk dilaksanakan seperti berikut:

- i. MINDEF perlu memastikan pelaksanaan pelan mobilisasi mengikut syarat yang telah ditetapkan dengan kapal pertama LCS disiapkan pada Mei 2024 dan diserahkan kepada TLDM pada Ogos 2026.
- ii. MINDEF perlu memastikan kontraktor pembinaan menyiapkan *detailed design* sepenuhnya termasuk mendapat kelulusan daripada Naval Group sebelum Ogos 2024 seperti yang terkandung dalam SA 6.
- iii. Kerajaan hendaklah memastikan pengambilalihan BNS oleh Ocean Sunshine Bhd. mencapai matlamat asal pelaksanaannya.
- iv. MINDEF dan TLDM bertanggungjawab dalam memastikan keseluruhan projek pembinaan lima (5) buah LCS bernilai RM11.22 bilion disiapkan serta diserahkan kepada TLDM mengikut tempoh dan kos yang telah dipersetujui dalam SA 6.
- v. Kementerian dan agensi kerajaan hendaklah memastikan supaya deraf kontrak yang dirunding dengan syarikat telah dirujuk dan

disemak sebagai teratur serta dipersetujui oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) terlebih dahulu sebelum ditandatangani.

- vi. Jabatan Audit Negara (JAN) perlu menjalankan pengauditan sebelum LCS 1 diserahkan kepada TLDM dan membentangkannya di Parlimen.
7. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) bagi tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 boleh memuat turun laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

HAL-HAL LAIN

8. Seperti yang dinyatakan YB Pengerusi PAC dalam kenyataan media pada 6 Oktober lalu, PAC menyambut baik kenyataan **YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul** supaya laporan ini dibentangkan dan dibahaskan.
9. Bagaimanapun, mekanisme pembentangan laporan PAC perlu diteliti dan dibincangkan dengan lebih mendalam terutamanya sama ada YB Menteri yang akan menjawab semua soalan-soalan daripada Ahli Dewan Rakyat mengenai laporan ini atau YB Pengerusi PAC/Ahli-ahli PAC yang akan menjawab.
10. PAC berpendapat adalah lebih baik YB Pengerusi PAC/Ahli-ahli PAC yang menjawab soalan-soalan daripada Ahli Dewan Rakyat. Bagaimanapun, sudah pasti ada kekangan daripada pihak PAC untuk memberikan jawapan

yang terkini kerana maklumat-maklumat berkenaan hanya diketahui oleh kementerian.

11. Pada hari esok, PAC akan mendengar taklimat Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi berhubung pembentangan dua Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) iaitu LKAN 2022 Penyata Kewangan Persekutuan serta LKAN 2021 Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan. Kedua-dua laporan ini amat penting terutamanya LKAN Penyata Kewangan Persekutuan yang akan memperincikan pendapatan dan hutang negara bagi tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

YB Puan Wong Shu Qi
Naib Pengerusi PAC Parlimen